



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

PERUTUSAN

YANG BERTHORMAT

DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN

SEMPENA SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA

1 DISEMBER 2024

TEMA: “TAKE THE *RIGHTS* PATH: MY HEALTH, MY RIGHT!”

1. *Human immunodeficiency virus (HIV)* adalah sejenis virus yang menjejaskan serta melemahkan sistem ketahanan badan (*immune system*) seseorang dan boleh mengakibatkan seseorang itu mudah mendapat jangkitan-jangkitan lain serta penyakit-penyakit lain seperti kanser. Peringkat terakhir jangkitan HIV, iaitu *Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)* berlaku apabila sistem ketahanan badan seseorang itu menjadi sangat lemah hingga tidak berupaya untuk melawan jangkitan dan menangani jangkitan atau penyakit-penyakit lain menyebabkan individu berkenaan menghidap beberapa masalah kesihatan yang boleh mengancam nyawa. Peringkat AIDS ini boleh dicegah jika jangkitan HIV dapat dikesan awal dan menerima rawatan pada peringkat awal lagi.
2. Sejak epidemik AIDS mula mendapat perhatian global pada tahun 1981, jangkitan HIV masih kekal mengancam kesihatan awam dan menjejaskan kehidupan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan sejumlah kira-kira 39.9 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia pada akhir tahun 2023, yang mana sejumlah 1.3 juta adalah merupakan kes jangkitan baru. Sementara itu, sebanyak 630,000 orang dianggarkan

telah meninggal dunia akibat masalah-masalah kesihatan dan jangkitan-jangkitan berkaitan dengan HIV di seluruh dunia.

3. Di Negara Brunei Darussalam, sejak kes pertama pada tahun 1986 hingga Disember 2023, sebanyak 492 kes telah dilaporkan di mana 96 daripadanya telah meninggal dunia. Pada tahun 2023, terdapat 57 kes jangkitan HIV baru dikalangan rakyat and penduduk tetap negara ini. Di antara yang terjangkit, 96 peratus adalah dari golongan lelaki dan kebanyakan yang terjangkit terdiri daripada golongan muda berusia antara 20-34 tahun. Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu negara yang mempunyai kadar jangkitan HIV yang rendah. Walau bagaimanapun, dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini, kadar kes meningkat melebihi kadar pada tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran orang ramai mengenai jangkitan HIV dan pengesananannya di antara golongan yang mempunyai risiko tinggi di mana mereka tampil untuk menjalani ujian dan mendapatkan maklumat mengenai kaedah-kaedah pencegahan jangkitan HIV. Di Negara Brunei Darussalam, orang-orang yang berisiko tinggi bagi jangkitan HIV adalah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan kelamin sesama lelaki (MSM).
4. Sejak dilancarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1988, Hari AIDS Sedunia telah disambut pada 1 Disember setiap tahun. Hari AIDS Sedunia ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit HIV dan memperingati mereka yang telah meninggal dunia akibat penyakit berkaitan dengan AIDS. Pada tahun ini, tema Hari AIDS Sedunia ialah **“Take the rights path: My**

Health, My Right!”, yang merupakan seruan untuk kita semua bahawa dalam pelaksanaan usaha-usaha untuk menangani HIV/AIDS, kita juga perlu memastikan bahawa setiap orang, terutama mereka yang terjangkit dengan HIV dan golongan-golongan orang yang berisiko untuk HIV, mendapat akses kepada layanan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tanpa stigma dan diskriminasi.

5. Dalam kenyataan dari UNAIDS dan WHO, stigma dan diskriminasi merupakan punca utama kebanyakan orang mengelak dari mendapatkan ujian, mendedahkan status HIV mereka, dan enggan untuk mendapatkan rawatan HIV yang boleh menyelamatkan nyawa. Justeru itu, stigma dan diskriminasi boleh menyebabkan kematian di kalangan orang yang hidup dengan HIV kerana tidak mahu menjalani ujian dan mendapatkan rawatan yang diperlukan. Stigma juga memberikan kesan negatif kepada orang yang hidup dengan HIV dan keluarga mereka serta usaha-usaha untuk mengurangkan jangkitan HIV. Oleh itu, adalah penting untuk mengurangkan stigma dan diskriminasi dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan umum mengenai HIV dan menangani mitos dan salah tanggapan mengenai HIV. Tema tersebut juga menekankan kepentingan pendekatan berdasarkan hak asasi manusia sebagai panduan kepada kesihatan yang lebih baik dan pencapaian yang lebih efektif dalam menangani HIV. Di antara hak asasi yang di maksudkan termasuk hak terhadap informasi yang betul dan komprehensif, hak akses terhadap perkhidmatan kesihatan yang saksama dan berkualiti, hak atas pendidikan dan pekerjaan yang setara, dan hak terhadap perkhidmatan awam dan kesejahteraan.

6. Seperti yang diketahui, mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Kenyataan ini benar apabila ia berkaitan dengan HIV kerana walaupun dengan adanya kemajuan dalam rawatan untuk HIV, ia masih kekal sebagai isu kesihatan global yang mengancam kesihatan awam dan memerlukan usaha yang berterusan. Oleh itu pencegahan dan pengesanan awal HIV adalah komponen penting dalam tindak balas terhadap wabak HIV. Dengan adanya maklumat dan kefahaman yang betul mengenai cara penularan jangkitan HIV, ianya dapat memperkasakan seseorang itu untuk mengelakkan diri dari aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi dan juga mengamalkan cara hidup yang sihat, untuk melindungi dirinya dari jangkitan penyakit ini. Di antara langkah-langkah bagi mencegah jangkitan HIV adalah mengelak dari melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan HIV seperti melakukan hubungan secara rambang dan tidak terlindung, dan mengelak dari bertukar-tukar pasangan. Jika seseorang itu terdedah kepada risiko jangkitan, atau ingin tahu akan status HIV mereka, ujian untuk mengesan HIV boleh dibuat di klinik-klinik atau hospital yang berdekatan, ataupun menggunakan kit ujian segera bagi HIV, iaitu ujian *HIV rapid test* yang boleh didapati di beberapa klinik swasta di Negara ini. Bagi mereka yang didapati terjangkit dengan HIV, dengan pengambilan ubat *antiretroviral* (ARV) secara efektif, ia dapat mengawal virus HIV dan membantu mencegah penularan bagi mereka yang dijangkiti HIV dan mereka yang berisiko tinggi. Dengan rawatan juga, orang yang hidup dengan HIV boleh meneruskan hidup secara sihat, produktif dan mempunyai jangka hayat yang panjang - sama seperti orang yang HIV negatif.

7. Dalam menyokong tema Sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan sangat komited dan akan terus berusaha untuk memastikan mereka yang berisiko dan yang terjejas oleh HIV akan mendapat perkhidmatan yang berkualiti dan saksama. Kementerian Kesihatan juga akan memastikan sesiapa yang memerlukannya berhak mendapatkan ujian, rawatan dan penjagaan HIV tanpa stigma dan diskriminasi. Marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran, serta memperkasa di dalam mengambil tindakan yang bertepatan and bersesuaian dengan amalan terbaik di dalam konteks Negara Brunei Darussalam dalam usaha-usaha untuk menamatkan epidemik AIDS. Oleh yang sedemikian, adalah diharapkan juga agar individu-individu yang mungkin berisiko dari jangkitan HIV/AIDS akan dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, dan tampil untuk mendapatkan ujian awal bagi membolehkan rawatan diberikan secepat mungkin dan seterusnya meningkatkan peluang untuk terus menjalani kehidupan mereka seperti biasa.

-TAMAT-